

# Tahap kesedaran penduduk masih lemah

MDKL proaktif atasi isu sampah haram di kampung-kampung tradisi

**BANTING** - Isu sampah haram yang berlaku di Kuala Langat berpunca daripada pengurusan sampah di kawasan kampung tradisi dan pelupusan sampah pukat yang tidak termasuk di dalam spesifikasi pembersihan kontraktor sisa pepejal lantikan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, atas inisiatif Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti punca aktiviti pembuangan sampah haram.

Menurutnya, mengikut statistik April hingga November 2017 sahaja, pihak MDKL telah menjalankan sebanyak 30 kali kerja-kerja pembersihan sampah haram yang terdapat di kawasan kampung tradisi.

"Atas permasalahan tersebut, pihak kerajaan negeri melalui MDKL telah melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah di kampung-kampung tradisi dengan harapan dapat mengurangkan pertambahan lokasi sampah haram di daerah ini," katanya.

Mohamad Zain berkata, sebanyak 175 unit tong



Antara lokasi longgokan sampah haram di sebuah kampung tradisi.

**INFO** • Dari April hingga November 2017, MDKL telah menjalankan sebanyak 30 kali kerja-kerja pembersihan sampah haram

sampah MGB 660 liter telah dibekalkan melalui peruntukan kerajaan negeri ke 36 kampung tradisi di daerah ini di mana sampah yang dikutip hanyalah sampah domestik.

Beliau berkata, pihaknya juga telah mengadakan perjumpaan bersama penghulu, ketua kampung

dan juga Ahli Majlis Daerah Kuala Langat kelmarin bagi mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut.

"Hasil perbincangan itu juga kita dapati sikap masyarakat dan penduduk itu sendiri yang menyumbang kepada masalah ini. "Kebanyakan ketua kampung mahu penduduk sendiri buang sampah sesuka hati... mereka sengaja buang sampah di luar tong sampah," katanya.

Bagaimanapun, MDKL memuji pengurusan jawatankuasa kampung Sijangkang mendirikan sebuah pondok bagi memudahkan penduduk

yang menaiki kereta untuk membuang sampah.

"Akan tetapi kemudahan ini langsung tidak dihargai oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan terus membuang sampah di luar tong sampah yang disediakan.


"Paling kesal, ada pula yang membakar tong sampah sesuka hati.

"Oleh sebab itu, pihak kami sentiasa pastikan anggota penguat kuasa menangkap mereka yang tidak membuang sampah ke dalam tong dan tindakan tegas bakal dikenakan dengan kompaun maksimum tanpa berkompromi," katanya.

## Ketua kampung bimbang isu sampah tidak selesai

**KUALA LANGAT** - Isu sisa pepejal dan sampah haram dilihat tidak akan selesai sekiranya tiada pemantauan yang berterusan dilakukan.

Demikian antara luahan beberapa ketua kampung yang menggesa semua pihak mencari jalan bagaimana mengatasi masalah berkenaan.



**ABDUL RANI**

Ketua Kampung Kanchong Darat, Abdul Rani Abas berkata, beliau kesal apabila isu sampah haram tidak diberi perhatian khusus.

Menurutnya, isu sampah tidak dikutip mengikut jadual menjadi topik hangat dalam perjumpaan bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kelmarin sekaligus memohon tindakan segera dilakukan.

"Sebagai ketua kampung, kita faham tugas dan tanggungjawab pihak kontraktor namun saya fikir apabila pelaksanaan tugas tak mampu dilakukan memberi masalah kepada semua pihak," katanya.

Abdul Rani berkata, sebelum ini, pelbagai cadangan diberikan termasuk memohon tong roto bagi kegunaan masyarakat akibat tong sampah yang disediakan terhad.

"Pihak itu beritahu ia bakal melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi, tetapi dalam mesyuarat semalam (kelmarin) YDP MDKL maklumkan pertengahan bulan Januari nanti penyerahan tong roto akan diberikan mengikut keperluan kampung.

"Bagaimanapun, sikap masyarakat yang tidak cakna juga merupakan faktor berlakunya longgokan sampah haram.

"Pemah sekali saya ternafik longgokan sampah domestik seperti kulit udang, buah kelapa dilonggokkan dalam kuantiti yang terlalu banyak, keadaan itu mengundang masalah kepada persekitaran.

"Jadi...saya terpaksa buat pengumuman setiap hari Jumaat, sebelum khutbah untuk mohon jasa baik masyarakat jangan buang sampah di kawasan yang tak sepatutnya, tetapi masih juga berlaku longgokan sampah haram," katanya.



Sebahagian penerima bersama penjaga masing-masing pada Program Senyum ke Sekolah, semalam.

## Bantu ringan beban ibu bapa buat persediaan persekolahan

**SUNGAIMANGGIS** - Kos sara hidup yang tinggi memaksa sesetengah ibu bapa mencari jalan untuk memohon bantuan persekolahan anak-anak di saat-saat akhir daripada pelbagai pihak.

Perkara itu diakui oleh Timbalan Yang Dipertua Pas Kawasan Kuala Langat, Dr Mohamad Salehuddin Hafiz ketika ditemui dalam Program Jom Senyum ke Sekolah anjuran Muslim Care Malaysia Society, Pertubuhan Amal Khadijah Malaysia (Peramah), Ameerah Kuala Langat dan Dewan Pemuda Pas Kuala Langat di Pasar Raya Giant Banting, semalam.

Menurutnya, sudah tiba masanya mereka yang berkemampuan mengajk pelbagai pihak termasuk

NGO dan masyarakat tampil membantu golongan ibu bapa yang kurang berkemampuan.

"Bagi saya peranan NGO dan mereka yang prihatin penting dalam usaha membantu anak-anak ini ke sekolah. Kita pandang serius isu ini, dan kalau boleh saya nak budaya sukarelawan dalam membantu golongan memerlukan perlu diperkenalkan," katanya kepada pemberita ketika merasmikan Program Senyum ke Sekolah, semalam.

Dalam program tersebut, seramai 40 penerima dari Dun Morib berpeluang memiliki kasut sekolah yang ditaja oleh Muslim Care Malaysia Society.

Salehuddin berkata, beliau

percaya dalam kalangan ibu bapa yang hadir, mereka teruja dengan bantuan yang diberikan dan berharap dapat meringankan beban keluarga.

Katanya, selain itu terdapat juga ibu bapa yang tampil memberitahu tidak dapat menyediakan yuran persekolahan anak mereka.

Mengulas mengenai perkara itu, beliau yang juga pengurus sebuah surau telah mengenal pasti 50 pelajar di sekolah berhampiran tidak berkemampuan untuk membayar yuran.

Katanya, pihaknya telah mengambil keputusan untuk mengadakan bawac untuk pembayaran yuran bagi membantu meringankan beban.